



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

MAJLIS MESYUARAT YB MENTERI PERPADUAN NEGARA BERSAMA MENTERI PERPADUAN NEGERI SABAH DAN SARAWAK SERTA EXCO-EXCO PERPADUAN NEGERI (MExUnity) BILANGAN 1 TAHUN 2024

JOHOR BAHRU, 27 Mei 2024 – YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah mempengerusikan **Majlis Mesyuarat YB Menteri Perpaduan Negara Bersama Menteri Perpaduan Negeri Sabah dan Sarawak serta EXCO-EXCO Perpaduan Negeri (MExUnity)** yang pertama bagi tahun 2024. MExUnity dianggotai oleh barisan EXCO Perpaduan Negeri dan EXCO Hal Ehwal Agama Selain Islam.

MExUnity merupakan platform perbincangan **usaha-usaha pengukuhan perpaduan termasuk aspek perancangan dan pelaksanaan program-program perpaduan di peringkat negeri**. Antara perkara utama yang telah dibincangkan dalam mesyuarat ini adalah **inisiatif pemerkasaan Rukun Tetangga (RT) sebagai Penggerak Komuniti Progresif, Jelajah Belia Rukun Negara dan Inisiatif Harmoni MADANI**.

Peranan RT sebagai penggerak, pengantara penting dan penjalin hubung (*bridge builder*) dalam masyarakat memerlukan lonjakan transformasi melalui landskap pembangunan yang dipacu oleh komuniti (*community-driven development*). Justeru, antara inisiatif Kementerian bagi mencapai matlamat ini adalah dengan memperkasakan peranan RT sebagai penggerak komuniti progresif. Sekurang-kurangnya **116 buah RT** dari seluruh negara telah dikenalpasti sebagai Model RT Progresif yang bertujuan **membantu menoktahkan kemiskinan secara berfasa di peringkat komuniti di mana terdapat sebanyak 19 RT di Sabah, 12 RT di Kelantan, 12 RT di Perak dan selebihnya di negeri lain**.

Dalam menyemarakkan lagi program Eksplorasi Rukun Negara, **Jelajah Belia Rukun Negara akan menggiatkan lagi usaha serta pendekatan pengukuhan penghayatan pengamalan Ideologi Rukun Negara yang dizahirkan dan diterjemahkan dalam kehidupan seharian. Jelajah Belia Rukun Negara dijadualkan pelaksanaan bermula bulan Julai hingga Disember 2024** di

seluruh negara. Jelajah ini akan dilaksanakan sebanyak **enam (6) zon** seperti di bawah:

Bil.	Zon	Penyertaan Negeri	Tentatif Tarikh Pelaksanaan
1.	Zon Tengah (pelancaran)	* Selangor WP Kuala Lumpur WP Putrajaya	Julai 2024
2.	Zon Utara	* Kedah Perlis Pulau Pinang Perak	Ogos 2024
3.	Zon Selatan	* Johor Melaka Negeri Sembilan	Ogos 2024
4.	Zon Timur	* Kelantan Terengganu Pahang	September 2024
5.	Zon Borneo : Sarawak	Sarawak	September 2024
6.	Zon Borneo : Sabah	Sabah WP Labuan	Oktober 2024

Matlamat utama jelajah ini adalah untuk membentuk kemenjadian belia yang menjiwai Rukun Negara secara holistik demi mencapai masyarakat progresif di samping mengiktiraf peserta sebagai **Duta Rukun Negara**.

Manakala inisiatif Harmoni MADANI adalah bertujuan **menyebarkan prinsip asas integrasi nasional iaitu “Faham”, “Hormat” dan “Terima”** khususnya terhadap perkara-perkara yang melibatkan isu-isu berkaitan hubungan antara penganut pelbagai agama. Usaha-usaha yang dibincangkan ini bermatlamat ke arah **pencapaian pembudayaan masyarakat MADANI yang menjadi aspirasi Kerajaan**.

YB Menteri turut memohon jasa baik agar semua negeri mempunyai **program signature perpaduan** sendiri yang akan disokong penuh oleh Kementerian Perpaduan Negara. Beliau turut merakamkan ucapan tahniah dan syabas atas pelaksanaan program *signature* perpaduan di peringkat negeri seperti Pesta Angin Timur di Perlis, Pertandingan Pidato Rukun Negara di Melaka, Program Gagasan Rumpun Selangor di Selangor, Pertandingan Dikir Barat Perpaduan di Kelantan, *Unity Camp Fire* di Pahang dan Program Silang Budaya di Johor.

YB Menteri Perpaduan Negara menyatakan harapan agar semua barisan EXCO terus **menyokong pelaksanaan program-program perpaduan bagi memperkukuh penyatupaduan masyarakat pelbagai kaum** selari dengan hasrat Kerajaan Perpaduan masa kini. Beliau turut menekankan bahawa adalah penting untuk **meningkatkan komitmen dan kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri untuk kepentingan rakyat dan negara Malaysia** agar perpaduan nasional tetap menjadi agenda utama dalam sanubari setiap rakyat negara ini.

Kementerian Perpaduan Negara

27 Mei 2024

Dikeluarkan oleh:- Unit Komunikasi Korporat
b.p.: Ketua Setiausaha
Kementerian Perpaduan Negara
Tel: +603 8091 8041 | Fax: +603 8888 8568 569
E-mel: pro@perpaduan.gov.my